

**Arahan:** Jawab *semua* soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan *satu* soalan Bahagian D

**BAHAGIAN A**  
[25 Markah]

1 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat *satu* kesalahan bahasa. **Gariskan kesalahan bahasa** tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Kedua orang anggota polis itu dinaikkan pangkat kerana telah berkhidmat dengan cemerlang.

---

(ii) Banyak orang berpendapat bahawa subjek Sejarah dapat memupuk semangat cintakan Negara.

---

(iii) Kebanyakan meja-meja baharu di sekolah itu disumbang oleh seorang dermawan.

---

(iv) Istana yang terpalang indah itu ialah tempat sultan bersemayam.

---

/ 8
-----

2 Dalam setiap ayat di bawah terdapat *satu* kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Pelakun itu berjaya menjiwai watak yang diberikan kepadanya.

---

(ii) Alvin suka mengeritik perangai Roslanyang suka bermenung dan tidak melakukan kerja.

---

(iii) Pulau Langkawi terkenal sebagai tempat pelancongan yang mahsyur di Kedah.

---

/ 3
-----

3 *Gabungkan ayat-ayat tunggal di bawah ini supaya menjadi satu ayat majmuk.*

- (i) Anita ingin membeli computer riba baharu?  
Anita ingin membeli telefon bimbit baharu?
- 

- (ii) Izzatul termenung di tepi jendela.  
Izzatul teringat akan kisah silamnya.
- 

- (iii) Kejayaan kajian itu hasil usaha sama semua pihak.  
Kejayaan kajian itu hasil kegigihan semua pihak.
- 

- (iv) Ibu sedang memanaskan gulai kambing.  
Kakak membasuh pakaian kotor.
- 

- (v) Halim tidak pergi ke padang bola.  
Halim menonton televisyen di rumah
- 

/ 10

4 *Lihat gambar dengan teliti. Berdasarkan gambar tersebut tulis **satu** peribahasa yang sesuai*

- (i)
- 

- (ii)
- 

/ 4

**BAHAGIAN B**  
[ 30 Markah ]

- 5 *Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Seperti saya yang terburu-buru mendail nombor rumah teman yang baru diberikan pagi tadi, suara tua itu juga pantas mengatur kata, selaju jejari saya salah menekan nombor rumahnya. Selepas menyampaikan kisah yang sesetengahnya tidak saya fahami, suara tua itu menamatkan pengisahan dengan penghargaan dan pesanan.

“Terima kasihlah. Nana telefon juga, Tanya khabar mak. Abang kau tu, duduk saja dekat tapi tak menjenguk langsung... tak hirau keadaan mak dalam banjir ni. Kirim salam pada suami dan anak-anak kau.”

Tanpa sempat saya membetulkan tanggapan, suara itu putus dalam hujan yang sudah empat hari empat malam lebat dan menyaimenyilih ganti. Radio dan televisyen menambahkan kekerapan siaran berita terkini. Aktiviti laut wajib ditangguhkan dan bekalan ikan di pasar berhampiran dengan rumah saya melambungkan harga paras menakjubkan. Ada jiran yang menghidap darah tinggi telah merungut sakit kepala kerana menu harian mereka bukan lagi ikan basah, tapi ikan kering. Ayam, daging dan telur telah mengambil tempat di meja hidangan. Ya Allah, sayatidak dapat menelan.

Suara tua yang tadinya berbicara tanpa memberi saya walau sedikit kesempatan untuk menerangkan bahawa saya bukanlah Nana, kembali menujuh-nujuh telinga. Saya capai telefon, mencari di menu panggilan keluar. Saya tekan butang panggilan ke nombor itu sekali lagi.

(Dipetik daripada cerpen ‘ Banjir di Mata Emak’ oleh Che Soo Ismail  
Dalam antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*,  
Arah Pendidikan Sdn. Bhd.

- (i) Berdasarkan petikan di atas, apakah keadaan yang berlaku selepas hujan empat hari empat malam?

---

---

---

[3 Markah]

- (ii) Berikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam petikan cerpen di atas.

---

---

---

[3 Markah]

- (iii) Pada pendapat anda, apakah tanggungjawab masyarakat untuk membantu golongan yang dalam kesusahan?

---

---

- 6 Baca pantun ini dengan teliti kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

PANTUN BUDI

Tenang – tenang air di laut,  
Sampan kolek mudik ke tanjung,  
Hati terkenang mulut menyebut,  
Budi baik rasa nak junjung.

Anak beruk di tepi pantai,  
Pandai melompat pandai menari,  
Biar buruk kain dipakai,  
Asal hidup pandai berbudi.

Yang kurik kundi,  
Yang merah saga,  
Yang baik budi,  
Yang indah bahasa.

Tingkap papan kayu bersegi,  
Sampan sakat di pulau angsa,  
Indah tampan kerana budi,  
Tinggi bangsa kerana bahasa.

Bunga melati bunga di darat,  
Bunga serijadi tepi kali,  
Hina besi kerana karat,  
Hina manusia tidak berbudi.

Padang Temu Padang Baiduri,  
Tempat raja membangun kota,  
Bijak bertemu dengan jauhari,  
Bagai cincin dengan permata.

Bunga cina di atas batu,  
Jatuh daunnya ke dalam ruang,  
Adat dunia memang begitu,  
Sebab emas budi terbuang.

(Dipetik daripada antologi *Baik budi Indah Bahasa.*) halaman 10-11

- (i) Berdasarkan pantun di atas, berikan **dua** manfaat orang yang berbuat jasa.

---

---

---

[3 Markah]

- (ii) Jelaskan **dua** nilai kemanusiaan yang terdapat dalam *Pantun Budi*.

---

---

---

[3 Markah]

- (iii) Pada pendapat anda, apakah cara-cara yang dapat dilakukan oleh murid-murid untuk melaksanakan kempen “Budi Bahasa Budaya Kita”?


---

---




**BAHAGIAN C**  
[15 Markah]

8 *Lihat rajah di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam rajah tersebut, tulis ulasan yang panjangnya hendaklah antara 80 hingga 100 patah perkataan.*



Horizontal lines for writing the review.







---

---

---

---

---

[30 Markah]

**- KERTAS SOALAN TAMAT -**